



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PENDAFTARAN KEBANGSAAN (D.1-2-3 EB.4-5)
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI PENDAFTARAN KEBANGSAAN
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (2)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei - Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Berkebolehan dalam bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
3. Berkemahiran mengendalikan komputer dan mempunyai pengetahuan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (*ICT*) adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menerima, meneliti dan memproses permohonan-permohonan serta dokumen-dokumen yang berkaitan dengan permohonan Kad Pengenalan, Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat atau Warganegara;
2. Memastikan permohonan-permohonan yang dihadapkan oleh orang ramai adalah selaras dengan Akta dan Peraturan yang ada dan jika didapati mempunyai mana-mana kesalahan, hendaklah dirujuk kepada Ketua Bahagian dengan segera.



3. Memastikan permohonan-permohonan Kad Pengenalan yang gagal mendaftarkan pada masa yang ditentukan untuk diambil tindakan kompaun selaras dengan peraturan yang ada dan mengikut tatacara yang telah ditetapkan;
4. Memastikan semua data-data yang didaftarkan adalah betul dan tepat dan dokumen-dokumen yang disertakan hendaklah dipastikan dokumen yang sah dan bukan palsu;
5. Menyediakan rekod-rekod dan laporan-laporan berhubung dengan Bahagian Pendaftaran Kebangsaan;
6. Memberikan penerangan dan penjelasan kepada orang ramai dengan betul dan mengikut Akta dan Peraturan serta garis panduan yang ditetapkan; dan
7. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa dengan pengetahuan Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.